

MALAYSIA LANTANG KERANA PRINSIP: PM

Oleh Lichong Angkui

KUALA LUMPUR: Malaysia lantang menyuarakan pandangannya di forum antarabangsa bukan untuk menonjolkan diri, tetapi semata-mata berpegang kepada soal prinsip, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengulangi pendirian tegas Malaysia akan terus menyuarakan pandangannya di forum antarabangsa berhubung pelbagai perkara secara terus terang dan berani demi keadilan.

"Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, Malaysia akan terus memainkan fungsi yang berkesan di peringkat antarabangsa.

"Malaysia akan terus menentang ketidakadilan, kekejaman dan usaha mengilas tangan negara yang lemah," katanya dalam ucapan tahniah dan ikrar taat setia di majlis menghadap sempena Hari Keputeraan ke-72 Yang di-Pertuan Agong, Tuan-ku Jaafar di Istana Negara, semalam.

Dr Mahathir berkata, selaras dengan prinsip untuk menyumbang kepada ketenteraman antara bangsa, Malaysia menghantar anggota pasukan

keselamatan bertugas di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Bosnia-Herzegovina, Somalia dan Kemboja.

Mengenai ekonomi, Perdana Menteri berkata, kejayaan negara mencatat kadar pertumbuhan ekonomi lapan peratus setahun sejak enam tahun lalu, adalah satu kejayaan besar.

Katanya, lebih membanggakan pertumbuhan pesat itu dicapai dengan kadar inflasi yang rendah dan harga yang stabil.

"Bagi menentukan pendapatan rakyat tidak terjejas oleh inflasi, kerajaan terus mengambil langkah mengawal kenaikan harga. Prestasi yang menggalakkan ini adalah hasil usaha dan kerjasama semua pihak - rakyat, pekerja, swasta dan kerajaan," katanya.

Beliau berkata, pelaburan swasta adalah penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara dan bagi membolehkan ia terus menjadi penggerak utama, sektor itu perlu lebih dinamik dan agresif dalam merekai pasaran baru di samping meningkatkan keceka-

pan serta produktiviti.

Menurut Perdana Menteri, swasta tidak harus melihat prospek pelaburan dalam negeri saja, malah demi faedah jangka panjang, perlu membuat pelaburan di luar negara.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan berusaha sedaya upaya mewujudkan iklim perniagaan yang sesuai untuk perniagaan dan pelaburan.

"Langkah sudah diambil bagi memperbaiki dan memodenkan sistem infrastruktur seperti pelabuhan dan bekalan elektrik bagi mengatasi segala halangan yang dihadapi oleh pengusaha," katanya.

Menurutnya, Malaysia akan terus mencapai kejayaan yang lebih besar jika dapat meningkatkan kelebihan bersaing. Kini Malaysia berada pada tahap ke-19 antara negara dagangan di dunia.

"Kelebihan bersaing yang ada pada kita ialah kos buruh yang rendah. Oleh itu, amat perlu kos buruh dipastikan tidak meningkat, tetapi pendapatan mereka meningkat melalui kenaikan produktiviti," katanya.